



**PEKELILING PENTADBIRAN
JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR) -
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Merujuk kepada Pengumuman Khas oleh YAB Perdana Menteri bertarikh 11 Januari 2021 berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Justeru, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) telah memutuskan bahawa panduan pergerakan pelajar UTM telah dikuat kuasakan bermula **26 Januari hingga 4 Februari 2021** bagi kampus UTM Johor Bahru dan kampus Kuala Lumpur berdasarkan perincian berikut:

PERGERAKAN KELUAR MASUK PELAJAR DALAM KAMPUS SEMASA PKP

1. Semua kemasukan **pelajar tempatan** ke kampus **ditangguhkan kecuali** pelajar yang berkeperluan. Pelajar berkeperluan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:
 - 1.1 Pelajar Pasca Siswazah mod penyelidikan yang berkeperluan menggunakan fasiliti makmal, bengkel, studio rekabentuk atau peralatan khusus penyelidikan;
 - 1.2 Pelajar Semester/Tahun Akhir Peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khas seperti bidang kejuruteraan, senibina atau lain-lain;
 - 1.3 Pelajar Semester/Tahun Akhir yang tidak mempunyai akses yang diperlukan dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian;
 - 1.4 Pelajar baharu bagi semua peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Ijazah yang akan mendaftar bagi Sesi Akademik 2020/2021; (sepertimana arahan KPT kemasukan pelajar ke Kampus melainkan diberi arahan baru sebaliknya) dan
 - 1.5 Mana-mana pelajar yang mendapat kebenaran khas daripada fakulti atau Pusat Tanggungjawab.

(Bagi Perkara 1.1, 1.2, 1.3 dan 1.4, sila rujuk Garis Panduan Pengendalian Aktiviti Akademik Serta Aktiviti Penyelidikan Di Kampus Semasa Dan Pasca Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Semasa Pandemik COVID-19 bertarikh 7 Jun 2020 berkaitan prosedur masuk ke kampus).

2. Pelajar berkeperluan seperti di atas yang ingin pulang ke Kampus perlu mendapat **surat kebenaran** dari Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) bagi tujuan merentas daerah dan negeri bagi perjalanan pulang ke Kampus.
3. Bagi pelajar yang bukan dalam kategori **berkeperluan** yang dibenarkan pulang ke Kampus akan meneruskan pengajian secara dalam talian (*online*).

4. Kemasukan semua pelajar antarabangsa kecuali dari **United Kingdom** ke Malaysia adalah dibenarkan dan perlu **menjalani kuarantine wajib** di stesen kuarantine yang ditetapkan KKM.
5. Bagi pelajar yang telah berada dalam Kampus, pergerakan keluar masuk ke Kampus termasuklah urusan untuk pembelian makanan/minuman dihadkan dari jam **7:00 pagi sehingga 8:00 malam**. Pelajar yang ingin keluar/masuk di luar tempoh tersebut atas sebab kecemasan, kritikal dan keperluan khas (**melebihi radius 10 km**) adalah **DIBENARKAN** dengan membuat permohonan khas daripada Pengetua Kolej Kediaman atau Pegawai Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) yang diberi kuasa. Bagi pelajar yang menggunakan kenderaan untuk ke luar kampus UTM, maksima hanya **2 orang sahaja** yang dibenarkan pada satu-satu masa.
6. Semua pelajar yang ingin masuk ke kampus perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) berikut:
 - i. Sihat dan bebas dari Gejala Covid-19.
 - ii. Pemeriksaan suhu badan serta melakukan saringan gejala. Pelajar menunjukkan status sihat menerusi aplikasi UTMSmart di pintu masuk Bahagian Keselamatan. Pelajar dengan suhu badan $>37.5^{\circ}\text{C}$ atau mempunyai gejala (demam, batuk, kesukaran bernafas atau kelihatan tidak sihat) akan terus dirujuk ke Pusat Kesihatan Universiti (PKU).
 - iii. Mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain & mengelakkan 3S (Sesak, Sempit & Sembang Dekat)
 - iv. Mematuhi semua SOP di tempat-tempat berurus dalam UTM seperti di makmal, dewan kuliah, tempat riadah, pasar mini, kafeteria, kedai dan lain-lain.
 - v. Memastikan penjarakan fizikal di kafeteria sekurang-kurangnya 1 meter dan hanya pembelian secara bungkus sahaja dibenarkan.
 - vi. Pelajar perlu menggunakan Aplikasi **MySejahtera/QR Code** semasa berurus di kaunter kolej/pejabat.
7. Pelajar yang berada di luar kampus adalah tertakluk kepada pematuhan peraturan PKP sepenuhnya. Sekiranya pelajar dikenakan tindakan akibat ketidakpatuhan PKP, maka ianya adalah di bawah tanggungjawab pelajar sendiri.
8. Pelajar dibenarkan menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan dan minuman seperti *GrabFood*, *Food Panda* dan lain-lain serta dibenarkan memasuki kampus dari jam **7:00 pagi sehingga 8:00 malam**. Pelajar juga dibenarkan menggunakan perkhidmatan e-panggilan (*e-hailing*) untuk pergerakan ke luar kampus **tidak melebihi radius 10 km** tertakluk kepada Perkara 4.

AKTIVITI PELAJAR DALAM KAMPUS SEMASA PKP

- 1 Semua aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum yang dilaksanakan secara bersemuka dan berkumpulan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 2 Semua aktiviti riadah dan sukan fizikal secara **individu** adalah **DIBENARKAN** melibatkan aktiviti jogging, berjalan, riadah, senaman ringan dan berbasikal **kecuali** bagi aktiviti yang berbentuk perhimpunan massa, pertandingan atau kejohanan, sukar dikawal, tiada penjarakan fizikal dan melibatkan sentuhan badan (*body contact*) seperti bola sepak, bola jaring, ragbi, hoki dan sukan renang. Aktiviti berbasikal secara borseorangan **tidak melebihi 10 km** sama ada dalam atau luar kawasan kampus UTM adalah dibenarkan.
- 3 Penggunaan ruang untuk berpersatuan adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Semua persatuan/ kelab adalah digalakkan untuk meneruskan aktiviti secara dalam talian.

Melalui pewartaan pekeliling baharu ini, Pekeling sebelum ini yang dikeluarkan oleh Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan dengan ini adalah termansuh.

Semoga semua pelajar dapat meneruskan pengajian dengan jayanya dalam keadaan menjaga Prosedur Operasi Standard (sop) PKP dengan penuh tanggungjawab demi kualiti kehidupan kita semua dalam dan luar kampus UTM yang sihat sejahtera dan penuh tanggungjawab.

'Sama-sama Kita Menjaga Kita'

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)

TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

- s.k. : Naib Canselor
: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
: Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
: Pendaftar
: Pengarah Bahagian Keselamatan